



Kata Kampus

Oleh **PROFESOR MADYA DR. MOHAMED ALI HANIFFA**

BAHANG konvokesyen 2025 semakin dirasai di setiap institusi pengajian tinggi (IPT). Persiapan rapi bagi merealisasikan detik bersejarah yang akan terpatut sebagai memori indah sedang sibuk dilaksanakan.

Konvokesyen adalah bukti kepada usaha dan perit jerih yang telah dilalui sepanjang bergelar mahasiswa. Anda akan bergelar graduan tidak lama lagi. Universiti telah menyediakan ruang dan peluang yang secukupnya dalam membina bakat dan keperibadian. Pastinya anda kini adalah insan yang tinggi nilai ilmu dan kaya dengan akhlak.

Merealisasikan program pengajian baharu di universiti memerlukan ketekunan. Setiap organisasi dalam universiti saling bekerjasama sehingga mendapat perakuan akreditasi penuh dari Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Bukan itu sahaja, graduan perlu mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian dengan kemahiran dan bidang pengajian agar bertepatan dengan kebolehpasaran graduan.

Para pendidik juga turut menanti dengan debaran mengenai tawaran pekerjaan ataupun melanjutkan pengajian yang bakal diterima oleh graduan. Alangkah baiknya sekiranya anda menghubungi pensyarah dan menyampaikan berita gembira tersebut agar menjadi suntikan semangat kepada mahasiswa yang lain. Hatta Imam Syafie pernah menyantuni gurunya yang berketurunan Badwi sebagai menunjukkan penghormatannya.

Kegembiraan seseorang pendidik adalah ingatan anak didik terhadapnya. Sesekali menghubungi dan bertanya khabar apatah lagi menyantuni mereka dengan secawan kopi 'O' panas. Sudah pasti cukup besar ertinya.

Setiap IPT berusaha menyediakan dan membekalkan tenaga mahasiswanya dengan membina mahasiswanya sejajar dengan hala tuju negara. Program yang diperkenalkan di universiti mementingkan pengaplikasian. Sebahagiannya juga lebih memfokuskan kepada keperluan mahasiswa dan industri.

Para akademik di universiti mempunyai dwiperanan iaitu sebagai sarjana dan pendidik. Dunia akademik sedang mengalami perubahan drastik yang memerlukan akademik yang bijak merebut dan membuat keputusan. Ini bertepatan dengan tema Hari Akademika 2025 iaitu 'Integrasi Kecerdasan Buatan (AI) dalam Pendidikan Tinggi' yang membawa makna besar terhadap hala tuju negara.

Graduan yang dilahirkan seharusnya bijak dan mempunyai adab yang tinggi. Pendekatan baharu yang digunakan kini bersifat integratif dan interaktif agar bersesuaian dengan perkembangan semasa serta keperluan pembangunan negara.

Nilai tambah dalam pengetahuan teknologi maklumat dan AI perlu dimanfaatkan secara bijak. Program keserjanaan perlu berlangsung di luar



KONVOKEYEN adalah bukti kepada usaha dan perit jerih yang telah dilalui sepanjang bergelar mahasiswa. - GAMBAR HIASAN

Tahniah para graduan, jangan lupa jasa pendidik



GRADUAN yang dihasilkan perlu mengaplikasikan hikmah atau kebijaksanaan untuk memahami bahawa semua kehidupan adalah saling berkait. - GAMBAR HIASAN

institusi akademik agar masyarakat awam boleh mengakses wacana tersebut dengan mudah, dinamik dan luwes.

Graduan kini perlu bersaing untuk merebut peluang pekerjaan yang bukan hanya bergantung kepada prestasi dan pencapaian dalam bidang akademik semata-mata.

Majikan dan industri memerlukan kombinasi kecemerlangan akademik dan kemahiran insaniah. Ini bertepatan dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) meletakkan harapan yang tinggi untuk melahirkan graduan holistik, bercirikan keusahawanan dan seimbang dari segi ilmu serta akhlak.

Elemen kognitif, psikomotor dan afektif dalam hampir semua kursus di IPT dapat dilihat dengan jelas melalui sokongan ekosistem pendidikan tinggi yang mantap dan dinamik. Graduan yang seimbang dari segi ilmu dan akhlak adalah asas untuk melahirkan masyarakat yang mengutamakan nilai kasih sayang, kebhagiaan serta saling

menghormati.

Usaha murni bagi memartabatkan Usaha dan keserjanaan mereka memerlukan jaringan kerjasama kepakaran dan pemain industri. Pelbagai bidang di universiti mampu meneroka banyak peluang pekerjaan baharu.

Graduan holistik perlu mempersiapkan diri dalam menempuh cabaran berikutan gelombang Revolusi Industri 5.0. Warganegara yang seimbang dan caknia diperlukan dalam pembangunan sebuah negara cemerlang.

Kemahiran insaniah merentasi domain pembelajaran yang merangkumi aspek-aspek generik seperti penguasaan kemahiran keperibadian dan kerja berkumpulan seperti kepimpinan, keusahawanan, kerjasama berpasukan, komunikasi serta pembelajaran berterusan perlu diberikan perhatian.

Graduan yang dihasilkan perlu mengaplikasikan hikmah atau kebijaksanaan untuk memahami bahawa semua kehidupan adalah saling berkait. Kebijaksanaan

untuk melihat dan memahami kewujudan hubungan yang saling berkait adalah asas kepada kewujudan bersama.

Anda kini akan bergelar alumni dan perkukuhkan hubungan baik dengan alma mater. IPT dan Pusat Alumni perlu memanfaatkan peluang melalui program alumni homecoming (kepulungan).

Kenangan datang dengan berapuan menggamit memori yang tidak boleh dibeli dengan wang ringgit. Penganjurannya bukan sahaja mampu meraikan alumni sebaliknya mekanisme mengutip dana bagi keperluan universiti.

Pastinya mereka kini 'kaya' dengan buah fikiran yang bemas kerana sudah berada di industri dan kepakaran boleh disumbangkan secara efisien. Pusat alumni dan persatuan alumni perlu diperkasakan dengan kebugaran idea agar mendasari khalayak.

Masa depan negara terletak pada generasi sekarang yang memiliki jati diri kukuh. Proses manusiawi akan menjadi lebih harmoni dan seimbang dengan persekitaran kondusif dalam membentuk warga global yang mengutamakan unsur kasih sayang, kebhagiaan dan saling menghormati.

Pembangunan holistik menjadi aspirasi pendidikan tinggi negara untuk melahirkan insan seimbang. Pendidikan menjadi tonggak utama dalam agenda pembinaan tamadun bangsa. Setiap IPT mempunyai moto, visi dan misi yang jelas dan diharapkan berfungsi dalam memajukan serta membawa kesejahteraan kepada negara.

Kita perlu membina generasi yang sentiasa bersyukur dan berterima kasih kepada jasa para pendidik. Kata Saidina Ali bin Abi Thalib: "Aku adalah hamba atau budak bagi siapapun yang mengajarkan ilmu kepadaku, walau hanya satu huruf".

PENULIS merupakan Pengerusi Program Sarjana Muda Sejarah Gunaan Dengan Kepujian, Jabatan Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia.